

# **BELIA USAHAWAN TANI SISWAZAH: ISU DAN CABARAN**

Oleh

**DR. NORHASNI BINTI ZAINAL ABIDDIN**

**JABATAN PEMAJUAN PROFESIONAL DAN PENGAJIAN LANJUTAN  
FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

## ISI KANDUNGAN

<b>Tajuk</b>	<b>Muka Surat</b>
Isi Kandungan	i
Senarai Gambarajah	iv
Penghargaan	v
<b>Isi Kandungan</b>	
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Penenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	6
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	<b>8</b>
2.1 Pengenalan	8
2.2 Pentakrifan Belia	8
2.3 Senario Sektor Pertanian Negara	10
2.4 Revolusi Pertanian Dalam RMK-9	12
2.5 Program Penggalakan Belia Tani	13
2.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Belia dalam Bidang Pertanian dan Industri Asas Tani	15
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>19</b>
3.1 Pengenalan	19
3.2 Sampel Kajian	19
3.3 Kaedah Kajian	20
3.4 Analisis Data	21

<b>BAB 4: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>22</b>
4.1 Pengenalan	22
4.2 Tema Utama	22
4.3 Latar Belakang Responden	24
4.4 Keputusan Menjadi Usahawan Tani	25
4.4.1 Minat	25
4.4.2 Pengalaman kerja terdahulu	27
4.4.3 Penglibatan keluarga	29
4.5 Persepsi Terhadap Pertanian Komersial	30
4.5.1 Pasaran dan potensi pertanian komersial	30
4.5.2 Publisiti media dan jangkamasa penuaian hasil	33
4.5.3 Perancangan projek yang sistematik	35
4.5.4 Pandangan masyarakat	38
4.6 Faktor Penarik dan Faktor Penolak	40
4.6.1 Faktor keluarga	41
4.6.2 Faktor kewangan	43
4.6.3 Faktor kemudahan	48
4.7 Latihan dan Kemahiran yang Diperlukan	51
4.7.1 Latihan dan kemahiran formal	52
4.7.2 Pengalaman kerja terdahulu	53
4.7.3 Pengetahuan sampingan dan kepentingan mentor	54
4.7.4 Berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan usahawan baru	56
4.8 Ciri-Ciri Peribadi Usahawa Tani yang Berjaya	59
4.8.1 Berilmu pengetahuan	59
4.8.2 Keazaman yang tinggi	60
4.8.3 Berdisiplin dalam mengurus masa	61
4.8.4 Berani menghadapi risiko dan cabaran	62
4.8.5 Kreatif dan bijak	64
4.8.6 Berpandangan jauh	65

<b>BAB 5: RUMUSAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>69</b>
5.1 Pengenalan	69
5.2 Batasan Kajian	69
5.3 Ringkasan Hasil Kajian	69
5.4 Kesimpulan	74
<b>RUJUKAN</b>	<b>76</b>

## SENARAI GAMBARAJAH

<b>Gambarajah</b>		<b>Muka Surat</b>
2-1	Tema yang Dikenalpasti Berdasarkan Persoalan Kajian	23

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) yang telah menyumbangkan geran bagi membiayai projek penyelidikan ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Profesor Dr. Samsudin A. Rahim selaku Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM yang memberi tunjuk ajar dan pandangan yang bermanfaat mengenai projek ini dan aspek lain berkenaan dengan pembangunan penyelidikan dan kerjaya sebagai seorang ahli akademik. Diharapkan kajian ini dapat memantapkan dan menambahkan lagi cabang ilmu pengetahuan yang sedia ada dalam bidang yang dikaji.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat membantu melancarkan penyelidikan ini iaitu kakitangan Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia; Nadiyah Noraihan Binti Mohamad Arifin selaku Pembantu Penyelidik bagi kajian ini; responden-responden yang terlibat; dan semua insan yang memberi sokongan kepada penulis sama ada secara peribadi mahupun profesional.

**Dr. Norhasni binti Zainal Abiddin**

Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia.

29 Ogos 2007

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Bab ini akan mengupas dan memberi gambaran umum tentang pertanian komersial sebagai satu kerjaya yang berpotensi dan peluang yang terbuka luas untuk diceburi oleh golongan belia khasnya belia lepasan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Senario dan perkembangan bidang pertanian komersial di negara kita sejak 50 tahun lalu jelas menunjukkan kurangnya penglibatan golongan belia biarpun menjadi nadi penting ekonomi negara dan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bidang pertanian adalah amat luas yang meliputi usaha penternakan, penanaman, perikanan dan industri hiliran. Bidang pertanian komersial merujuk kepada kegiatan pertanian yang diusahakan dalam bentuk perladangan dengan hasil produktiviti dalam skala besar, jumlah keluasan tanah yang diusahakan luas, berdaya maju dan dimajukan dengan tanaman yang berpotensi untuk jualan bagi meningkatkan pendapatan dan menambah nilai guna tanah untuk pulangan yang bersifat komersial.

Pengenalan tentang sistem ladang dan pertanian komersial di negara kita telah bermula pada awal abad ke-19 melalui pelaburan modal asing oleh syarikat-syarikat perladangan Eropah bagi memenuhi keperluan industri di negara-negara barat ketika itu. Antara tanaman yang diperkenalkan dalam sistem ladang ini ialah komoditi penting yang berpotensi untuk eksport dan memenuhi keperluan pasaran seperti getah, kelapa sawit, nenas, teh dan lada hitam. Antara syarikat pelaburan modal asing yang berjaya mengusahakan tanaman komersial ialah Sime Darby, Socfin, Guthrie, Golden Hope Plantation dan Cameronian.

Tidak dinafikan tulang belakang ekonomi negara sejak sekian lama ialah industri pertanian. Bidang pertanian merupakan satu industri yang terus relevan dengan perkembangan semasa kerana keperluan industri ini memenuhi keperluan negara dan masyarakat. Walau bagaimanapun untuk menceburi bidang pertanian secara komersial memerlukan ilmu, kepakaran dan modal yang besar. Masyarakat Melayu selepas

merdeka hinggalah pengenalan Dasar Ekonomi Baru masih merupakan golongan petani tradisional yang mengusahakan tanah dengan tanaman makanan untuk keperluan sendiri atau jualan kecil-kecilan dengan kadar pengeluaran yang terhad dan penggunaan teknologi yang ala kadar. Generasi seterusnya yang lahir yang boleh dianggap generasi kedua petani lebih cenderung untuk makan gaji dan tidak melihat pertanian sebagai satu industri dan perniagaan yang menguntungkan bagi menjana ekonomi.

Penubuhan pelbagai agensi kerajaan dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Pembangunan Ekonomi Lima Tahun bermula dengan Rancangan Malaya Pertama merupakan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Tanah Melayu untuk memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar dan menghapuskan jurang perbezaan dengan penduduk di bandar. Sehingga pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), beberapa agensi telah ditubuhkan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara melalui sektor pertanian iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang ditugaskan membuka tanah untuk tanaman komoditi berpotensi secara ladang, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) yang ditugaskan memulih dan menyatukan tanah-tanah tidak produktif agar dapat diusahakan secara komersial dan memberi pulangan ekonomi kepada tuan tanah, Lembaga Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang ditubuhkan bagi membantu para pekebun kecil getah, Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM), yang ditugaskan memajukan industri kelapa sawit negara, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang berfungsi dan peranan dalam memasarkan hasil pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang ditugaskan memajukan sektor perikanan, Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang memantau dan membantu meningkatkan pengeluaran padi bermutu dalam negara serta Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) yang memainkan peranan dalam pembangunan penyelidikan dalam bidang pertanian.

Penubuhan agensi-agensi di atas jelas membuktikan keperihatinan dan langkah-langkah konkrit yang diambil oleh kerajaan untuk memperkenalkan hala tuju dan cara baru pengurusan pertanian negara agar berpotensi untuk pengeluaran pada skala besar dan membantu petani meningkatkan pendapatan mereka. Penukaran nama Kementerian



Pertanian kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jelas membuktikan komitmen yang ditunjukkan oleh kerajaan untuk menjadikan pertanian sebagai satu industri dan satu perniagaan yang menguntungkan bukan lagi kerja kampung yang lekeh dan sinonim dengan kemiskinan. Lonjakan perdana yang kini diusahakan oleh kerajaan ialah menggali potensi kawasan utara Semenanjung melalui Wilayah Ekonomi Koridor Utara dengan pengisytiharan Perlis sebagai Pusat Benih Negara.

Perkembangan semasa yang berlaku kini adalah kesinambungan usaha yang telah dilaksanakan sejak merdeka dalam membangunkan sektor pertanian. Kini, kita telahpun berada di bawah pelan pembangunan pertanian Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang telah dilancarkan pada tahun 2006. Kerajaan sedar pembangunan dan usaha memperkasakan sektor pertanian dalam menjana ekonomi negara dan melahirkan golongan usahawan tani harus melibatkan golongan belia terutamanya yang berpendidikan bagi mengubah persepsi dan mentaliti belia terhadap bidang pertanian. Tiga sektor utama ekonomi yang diberikan perhatian oleh kerajaan di bawah RMK-9 ialah sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian. Sektor pertanian perlu diletakkan pada kedudukan yang setaraf dengan sektor lain yang memerlukan tenaga mahir, berkepakaran dan berpendidikan. Sehubungan dengan itu, usaha memodenkan sektor pertanian memerlukan penglibatan aktif golongan belia yang berkemahiran dan berilmu pengetahuan. Suatu transformasi perlu dilakukan untuk memupuk minat dan mengubah persepsi belia terhadap bidang pertanian (Jabatan Perdana Menteri, 2006). Belia yang dimaksudkan di sini dapatlah ditakrif sebagai golongan lepasan sekolah yang berusia 18 tahun ke atas sehingga peringkat awal dewasa iaitu 40 tahun. Menurut Laporan Banci Penduduk oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2000) yang telah dilaksanakan menunjukkan golongan ini mewakili 42.1% daripada penduduk Malaysia seramai 26 juta orang. Golongan ini juga paling produktif, mempunyai idealisme, berfikiran matang dan kumpulan sasaran yang paling berpotensi untuk dibangunkan yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Hasrat kerajaan pada masa kini ialah melahirkan ramai golongan belia yang menceburi sektor pertanian sepenuh masa dan menjadi usahawan tani yang berjaya. Pada masa kini telah ada golongan belia yang berjaya dalam industri pertanian dan membuktikan

bahawa pertanian itu merupakan satu perniagaan yang menguntungkan tetapi angka atau peratus yang terlibat dalam bidang ini adalah terlalu kecil. Kebanyakan golongan belia lepasan pengajian tinggi yang memiliki ijazah masih rela menunggu kerja atau mencari kerja dalam sektor awam dan swasta daripada menceburi sektor pertanian. Tanggapan bahawa pertanian adalah usaha tradisional, tidak menguntungkan, kerja kampung, kotor dan tidak berpotensi perlu dikikis selaras dengan tahap kematangan dan pendidikan yang dimiliki oleh golongan belia masa kini (Aidit & Husnizam, 2005).

Pembangunan dan pemodenan sektor pertanian kini dilihat semakin rancak kerana keutamaan dan tumpuan yang diberikan secara khusus oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi ditambah dengan pengisytiharan Malaysia sebagai hub halal serantau dan global, maka pengeluaran makanan halal merupakan sektor yang paling berpotensi untuk dikembangkan masa kini. Selaras dengan komitmen tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mendapat suntikan dan semangat baru untuk merencanakan kembali industri asas tani sebagai sektor ekonomi mapan, berdaya asing dan berpotensi besar dalam meningkatkan taraf hidup dan menjana ekonomi. Faktor utama yang menentukan kejayaan dalam usaha memodenkan bidang pertanian sebagai satu perniagaan ialah produktiviti, keberkesanan kos dan keupayaan mendapatkan pasaran (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Jika ditinjau kembali sejarah pembangunan pertanian, terdapat pemisahan yang ketara antara sub sektor perladangan dengan sub sektor pertanian makanan. Sub sektor perladangan banyak dimonopoli oleh pelabur asing dan imigran manakala sub sektor pertanian makanan banyak dipelopori oleh masyarakat setempat dan petani tradisional dengan jumlah tanah pertanian yang terhad dan tanah rezab yang tidak subur. Walau bagaimanapun tidak dinafikan sub sektor pertanian makanan ini tetap menjadi penyumbang penting kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan masih tidak ketinggalan dengan pengeluaran sektor komoditi yang menjadi penjana utama pertumbuhan sektor pertanian (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Dalam konteks dunia moden hari ini, sumbangan masyarakat tani perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Mahu atau tidak mahu, golongan belia berpendidikan

harus menceburkan diri dalam bidang ini bagi merencanakan pembangunan dan rancangan pemodenannya dan merebut peluang yang kini tersedia di depan mata dengan membuang jauh segala tanggapan negatif dan pandangan pesimis berkaitan aktiviti pertanian. Seajar dengan hasrat kerajaan mengalakkan penglibatan belia sebagai usahawan tani, maka kajian ini akan mendekati usahawan tani yang berjaya untuk berkongsi pengalaman jatuh bangun mereka dalam dunia pertanian dan mendapatkan input-input berguna bagi sama-sama dapat digunakan oleh golongan pelapis belia yang baru atau sedang berkira-kira untuk menceburi bidang ini dan juga kepada pihak yang berkepentingan.

Golongan belia yang mengambil keputusan menceburi bidang pertanian komersial bolehlah dianggap istimewa dan patut diberikan pujian kerana mengambil satu keputusan yang berani. Mereka mempunyai sebab-sebab tersendiri sehingga sanggup meninggalkan jawatan lain yang menanti tambahan pula diploma, ijazah dan sijil yang dimiliki adalah tiket untuk kerjaya profesional yang dianggap popular dan pilihan arus perdana dalam pemilihan kerjaya. Inilah kelebihan mereka, menuai hasil dengan berbakti kepada tanah tetapi dengan teknik-teknik yang moden menggunakan ilmu, kemahiran dan kepakaran yang telah dianugerahkan oleh Ilahi sebagai belia berpendidikan, berpandangan jauh dan berwawasan. Sedia menghadapi persepsi masyarakat terhadap bidang pertanian dan dalam masa yang sama membuktikan mereka boleh berjaya dengan menceburi bidang pertanian.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Bidang pertanian komersial sehingga ke hari ini masih ketandusan penglibatan golongan belia lepasan sekolah lebih-lebih lagi belia berpendidikan dan lepasan IPT. Keperluan guna tenaga mereka di bidang pertanian komersial amat dan sangat diperlukan oleh kerajaan dalam usaha melonjakkan pembangunan sektor pertanian, memodenkan industri asas tani dan membangunkan guna tenaga mahir di bidang pertanian komersial. Persepsi negatif terhadap bidang pertanian, mentaliti makan gaji dengan sektor awam dan swasta juga ketiadaan galakan serta sokongan daripada keluarga dan masyarakat serta ketiadaan maklumat lengkap tentang prosedur dan tatacara yang boleh diikuti untuk menceburi bidang ini membantutkan penglibatan

golongan belia dalam sektor pertanian tambah lagi kesukaran mendapatkan bantuan teknikal dan kemudahan pembiayaan daripada agensi yang berkaitan.

Maka, adalah wajar satu kajian dijalankan bagi mendekati pengalaman belia usahawan tani berjaya ini. Apakah isu dan cabaran yang wujud dalam pernglibatan secara aktif belia siswazah usahawan tani? Semestinya amat menarik untuk dihayati pengalaman belia siswazah usahawan tani yang berjaya. Dengan pendedahan yang diperolehi daripada kajian ini, ia akan dapat dijadikan panduan yang berguna kepada pihak yang memerlukan.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah latar belakang golongan belia siswazah yang membuat keputusan menceburi bidang pertanian komersial;
2. Apakah persepsi belia siswazah terhadap bidang pertanian komersial;
3. Apakah faktor-faktor penarik dan penolak penglibatan belia siswazah sebagai usahawan tani;
4. Apakah latihan dan kemahiran yang diperlukan oleh belia siswazah sebagai usahawan tani;
5. Apakah ciri-ciri peribadi usahawan tani yang berjaya.

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian ini berkepentingan bagi membolehkan pihak kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) melaksana dan merangka program usahawan belia tani yang lebih berkesan dan efisien khasnya bagi menarik minat dan memberi galakan kepada golongan belia menceburi bidang pertanian komersial/dagangan dan menjadi usahawan tani yang disegani. Oleh kerana itu, kajian ini diharapkan akan memberikan maklumat-maklumat berikut:

1. Memberikan gambaran yang jelas dan lengkap kepada pihak-pihak yang berkaitan khasnya kerajaan melalui kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk merangka program dan skim belia tani atau usahawan tani secara lebih berkesan dan menyeluruh.

2. Memantapkan strategi dan dasar untuk meningkatkan penyertaan belia dalam bidang pertanian komersial.
3. Mengenalpasti bentuk latihan dan kemahiran tambahan serta bantuan sokongan yang diperlukan bagi tujuan penggalakan kepada golongan belia menceburi bidang pertanian komersial.
4. Mengemukakan profil peribadi dan karakter seseorang belia yang mahu terlibat dalam pertanian komersial.

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini merupakan huraian konseptual berkaitan dengan tajuk dan aspek kajian. Huraian konsep merujuk kepada pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh mengenai prospek dan potensi bidang pertanian komersial dan penglibatan belia sebagai usahawan tani juga program-program yang melibatkan golongan belia dalam bidang pertanian oleh pelbagai agensi kerajaan. Antara konsep yang diperincikan ialah pentakrifan dan pengkelasan golongan belia, perkembangan pertanian komersial di Malaysia, program penggalakan belia di bidang pertanian serta faktor-faktor yang mendorong golongan belia menceburkan diri dalam bidang pertanian.

#### 2.2. Pentafsiran Belia

Menurut Kamus Dewan (2001) belia ditakrifkan sebagai muda belia, sangat muda yang terdiri daripada golongan pemuda dan pemudi. Belia menurut takrifan ini mencakupi usia 15 tahun hingga 40 tahun iaitu merangkumi fasa remaja, fasa transisi (pra matang) dan fasa dewasa (peringkat matang). Di tinjau dari perspektif Islam, belia dikaitkan dengan usia baligh. Dalam Al-Qur'an belia disebut *fata* manakala dalam hadith maksud yang serupa merujuk kepada istilah *syabab* (Ismail, 2004).

Takrifan tentang belia oleh Kementerian Belia dan Sukan (1995) merujuk kepada golongan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun berlandaskan beberapa alasan seperti sesuai dengan pentakrifan yang dibuat oleh Majlis Belia Malaysia (MBM); dianggap telah matang dan mampu berfikir secara positif berkaitan program belia; dan sebahagian besar rakyat negara ini terdiri daripada golongan belia.

Menurut Aidit dan Husnizam (2005), keperluan berbeza wujud antara belia pada masa transisi (peringkat awal dewasa) dengan golongan belia dewasa malahan juga belia pada fasa remaja, oleh kerana itu perlu disusun secara khusus program-program tertentu untuk membangunkan setiap kumpulan belia berikut ini:

### **1. Golongan Belia (Peringkat Remaja)**

Rata-rata kumpulan belia pada fasa ini masih di alam persekolahan (Tingkatan Tiga hingga Tingkatan Lima) dan sibuk dengan persediaan untuk menghadapi tiga peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh kerana itu penekanan dan tumpuan dalam soal pendidikan mereka masih lagi di bawah tanggungjawab pihak sekolah. Pemupukan nilai, pembentukan jati diri dan usaha membangkitkan kesedaran tentang tanggungjawab perlu dilaksanakan terutama memberikan mereka kefahaman bahawa perubahan semasa dunia dan isu globalisasi memberi impak kepada tingkahlaku dan menyedarkan mereka untuk menghadapinya. Remaja selalunya akan mengalami krisis identiti dan konflik sosial maka program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), sesi kaunseling individu dan kumpulan serta kegiatan ko-kurikulum dan ko-akademik memainkan peranan yang besar untuk membentuk tingkahlaku remaja.

### **2. Golongan Belia Awal Dewasa**

Golongan lepasan sekolah yang melanjutkan pengajian di peringkat pra universiti, diploma, sijil lanjutan dan ijazah. Kumpulan ini merupakan golongan yang berada pada fasa transisi antara zaman akhir remaja dengan zaman awal dewasa. Mereka mula memasuki alam yang lebih bebas, bebas daripada kongkongan ibu bapa, bebas membuat keputusan yang penting dalam hidup dan bebas mengambil risiko malahan bebas daripada tekanan peraturan skematik di sekolah. Pada ketika ini, rakan sebaya dan teman seperjuangan menjadi sumber rujukan dan amat berpengaruh kerana kebanyakan masa mereka dihabiskan di kolej, maktab, akademi atau universiti. Pada peringkat ini, aspek yang penting diterapkan ialah pembentukan sahsiah berteraskan nilai-nilai agama dan norma-norma masyarakat serta hubungan yang sihat dan positif dalam pergaulan.

### **3. Golongan Belia Dewasa**

Golongan belia yang melebihi usia tiga dekad dapat dianggap golongan dewasa yang matang dari segi penampilan fizikal, hubungan sosial dan pemikiran. Banyak pengalaman dan cabaran telah mereka tempuhi. Golongan ini juga

kebanyakannya telah memulakan alam perkahwinan dan hidup berkeluarga, mempunyai komitmen dan tanggungjawab yang perlu dipikul di samping sibuk dengan dunia kerjaya dan pengajian lanjutan (Sarjana/Master dan Doktor Falsafah/Ph.D). Oleh kerana itu pada peringkat ini usaha-usaha yang boleh dilaksanakan ialah menyedarkan mereka untuk merebut peluang meningkatkan kemahiran dan keterampilan, meningkatkan kualiti hidup serta mengukuhkan institusi keluarga.

Biarpun pelbagai definisi dan pentakrifan telah diberikan berkaitan istilah belia, pentakrifan oleh Kementerian Belia dan Sukan telah diguna pakai bagi kajian ini. Hal ini akan memudahkan kita memahami, menyusun strategi selari dengan matlamat membangunkan belia negara.

### **2.3 Senario Sektor Pertanian Negara**

Sektor pertanian merupakan sektor ekonomi utama negara sejak sekian lama dan sehingga kini dilihat terus relevan. Pada tahun 1957, sektor pertanian menyumbang kepada KDNK negara sebanyak 46%. Pada zaman awal kemerdekaan, aktiviti ekonomi utama penduduk Tanah Melayu ialah pertanian dan perlombongan. Pada tahun 1966, bilangan sumber tenaga di bidang pertanian menjangkau 80.3% (Jabatan Perdana Menteri, 2006).

Dasar Pertanian Negara I (DPN I) (1984-1991) memberi penekanan kepada usaha pembangunan dan penanaman bahan komoditi untuk pendapatan eksport negara yang dikenali sebagai *Dasar Expansionary* dengan komoditi utama ialah kelapa dan koko. Dengan keluasan tanah dan sumber tenaga buruh yang murah, sektor perladangan komoditi dilihat begitu berdaya saing/kompetitif. Melalui Dasar Pertanian Negara 1 ini kerajaan telah membangunkan infrastruktur yang diperlukan, melaksanakan pembangunan in-situ iaitu memulihkan tanah-tanah pertanian sedia ada yang tidak produktif agar lebih produktif dan pembukaan tanah-tanah baru oleh agensi pembukaan tanah dan pembangunan wilayah khasnya Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Kemajuan Terengganu Tengah



(KETENGAH), Kawasan Pengairan Muda (KADA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Dasar Pertanian Negara II (1992-1998) dilaksanakan dengan memberikan penekanan dalam meningkatkan produktiviti, kecekapan dan persaingan. Tanaman ladang seperti kelapa sawit diusahakan secara besar-besaran dengan pembukaan lebih banyak kawasan tanah-tanah baru. Pelaksanaan DPN II ini turut mengambilkira beberapa isu yang timbul membabitkan keluasan tanah, usia peneroka tanah rancangan yang semakin tua dan produktiviti yang kian menguncup. Oleh kerana itu pendekatan yang diambil dalam DPN II menjurus kepada penghasilan produk pertanian yang mempunyai nilai tambah dan memenuhi keperluan pasaran. DPN II telah memajukan industri yang berasaskan pertanian selaras dengan strategi perindustrian yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian I dan II (PIP I dan II) (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006). Pembangunan industri asas tani bertujuan mewujudkan sektor hiliran yang dapat dimanfaatkan dan dieksploitasi daripada hasil-hasil pertanian disamping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, menjana pendapatan yang lebih tinggi melalui peningkatan produktiviti dan menambah hasil pertukaran asing negara.

Liberalisasi perdagangan di bawah rangka kerja Zon Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) serta krisis kewangan yang melanda negara-negara di dunia menjelang akhir tahun 1997 telah memulakan usaha penilaian semula DPN II dengan perubahan struktur pertanian yang ketara dari segi kekurangan tenaga manusia, kadar upah yang rendah berbanding produktiviti, sumber tanah dan air yang kian terhad akibat persaingan kegunaannya dengan sektor perindustrian, perumahan dan perbandaran meletakkan sektor pertanian pada kedudukan yang perit dan pembangunan yang kian perlahan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Pada tahun 1999 berdasarkan senario tersebut, sekali lagi DPN III dilancarkan untuk tempoh 1998 hingga 2010 yang akan menentukan hala tuju baru sektor pertanian sebagai penyumbang pendapatan negara dan penjana taraf hidup masyarakat. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menetapkan sasaran supaya lebihan

(*surplus*) dalamimbangan perdagangan makanan menjelang tahun 2010 melalui Pelan Tindakan Imbangan Pembayaran. Pada masa kini, defisit negara dalamimbangan perdagangan makanan mencecah RM4.3 billion. Jika berlarutan tentunya angkanya akan terus meningkat kerana itu melalui pelan yang digariskan sasaran utama ialah mengurangkan defisit dalamimbangan perdagangan makanan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

#### **2.4 Revolusi Pertanian Dalam RMK-9**

Kemajuan terkini dan penemuan baru dalam teknologi membawa satu dimensi dan revolusi baru dalam pembangunan sektor pertanian dengan mengenalpasti bidang usaha baru yang berkaitan seperti bioteknologi dan nanoteknologi. Perkembangan ini mewujudkan hala tuju baru sektor pertanian berasaskan kemajuan sains dan penerapan teknologi maklumat dan multimedia (ICT). Banyak pembaharuan dan perubahan yang akan berlaku dalam sektor pertanian melalui pendekatan sains dan teknologi moden. Khazanah biodiversiti di Malaysia perlu dimanfaatkan melalui aplikasi teknologi agar dapat diteroka secara meluas (FAMA, 2007).

Cabaran besar yang dipikul oleh pakar pertanian kini ialah menghasilkan penemuan baru yang berupaya melonjakkan sektor makanan negara ke tahap yang tinggi dan dapat diterima di peringkat global. Kegiatan pembangunan penyelidikan dalam bidang pertanian di negara kita masih lagi kurang menyerlah biarpun ada agensi yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan misi dan maksud tersebut iaitu Institut Pembangunan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), namun masih tidak dapat menandingi hasil penyelidikan pertanian di Thailand dan Vietnam. Dari segi eksport makanan, Thailand telah menembusi pasaran eksport buah-buahan, makanan siap proses dan hasil keluaran perikanan. Walau bagaimanapun, Malaysia menunjukkan beberapa pencapaian dalam bidang bioteknologi berbanding negara Asia Tenggara yang lain dalam memajukan tanaman komoditi seperti kelapa sawit.

Kajian yang dibuat ke atas RMK-9 masih terlalu awal untuk dibuat kesimpulan namun yang pasti telah membawa satu revolusi baru di bidang pembangunan pertanian sebagai satu industri. Namun begitu, tahap kecapaiannya masih boleh dipersoalkan kerana

sebahagian besar petani dan pengeluar produk pertanian negara terdiri daripada kumpulan petani kecil yang tidak memanfaatkan kemajuan teknologi dalam membangunkan usaha pertanian mereka justeru itu, revolusi pertanian memberi fokus melahirkan usahawan tani yang berpendidikan dan sedia mengaplikasikan teknologi dalam penghasilan produk pertanian.

## **2.5 Program Pengalakan Belia Tani**

Semua pihak harus menyokong usaha kerajaan untuk menggalakkan penglibatan belia berpendidikan dalam sektor pertanian komersial. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui langkah yang proaktif telah melancarkan Skim Usahawan Belia Tani dengan mengusahakan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Golongan belia yang terlibat dalam skim ini dihantar berkursus di Jepun untuk mempelajari selok belok pertanian moden. Turut diterima menyertai skim ini ialah lepasan Institut Pertanian dan lepasan IPT dalam negara. Projek ini mendapat kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri yang menghusus kepada pengeluaran makanan dengan matlamat mewujudkan usahawan tani berjaya iaitu: (1) menghasilkan produk pertanian dalam skala besar; dan (2) memperoleh pendapatan bersih tidak kurang RM3000 sebulan. Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang diwujudkan ini adalah selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) yang mahu memberi peluang kepada golongan belia berminat dan berpengetahuan untuk mengusahakan tanaman makanan dan pertanian moden. Jumlah peserta projek TKPM setakat ini ialah 60 orang dengan tumpuan melatih peserta dalam bidang teknikal pengeluaran makanan, pemprosesan makanan, keusahawanan dan pengurusan projek (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Sempena pelancarannya pada 18 September 2005, projek pengeluaran makanan TKPM di Hulu Tiram, Johor dipilih sebagai projek contoh peringkat kebangsaan kerana telah menampakkan hasil dan menunjukkan kejayaan. Projek yang meliputi kawasan seluas 33.4 hektar ini telah dimulakan pembersihan tapak pada November 2005. Kawasan seluas 28 hektar telah dikenalpasti dan dirancang untuk projek penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman perantara seperti jagung. Kawasan TKPM Hulu Tiram ini telah dipecahkan kepada kepada 6 blok dan setiap blok berkeluasan 4 hingga

5 hektar. Peserta projek ini mempunyai pengalaman dalam menanam sayur-sayuran. Sebanyak RM400,000 telah diperuntukkan untuk kerja-kerja pembersihan dan penyediaan tapak dengan bantuan dana daripada kerajaan pusat sebanyak RM250,000. Kemudahan yang diwujudkan di kawasan tapak projek ialah rumah peserta, rumah pam, jalan ladang, sistem pengairan, rumah kalis hujan, pusat pengumpulan hasil ladang, pejabat pentadbiran dan dua buah kolam ikan. Tanaman yang diusahakan ialah sayuran jenis berbuah seperti terung, petola, kacang panjang, kacang bendi, kacang buncis dan cili kerana lebih tahan lama, boleh dipetik serta mempunyai nilai pasaran yang tinggi. Peserta-peserta projek yang ditemui berpuas hati dengan kemajuan projek TKPM ini kerana sehingga bulan Jun 2006, sebanyak 37,822 kg sayur-sayuran berjaya dituai dan menghasilkan nilai pendapatan sebanyak RM37,302.75. Hal ini jelas membuktikan bidang pertanian dapat memberi pulangan yang lumayan dan menguntungkan jika diusahakan secara bersungguh-sungguh dan perancangan yang sempurna (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2006).

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga sedang melaksanakan Projek Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani dengan tujuan membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) berasaskan pemprosesan hasil pertanian. Projek ini dijangka memberikan pulangan pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM2000 sebulan dengan mensasarkan 10,000 pengusaha PKS dilahirkan melalui projek ini menjelang 2010 dan menjana pendapatan bernilai RM2461 billion iaitu sebanyak RM4,100 sebulan pendapatan kasar bagi setiap pengusaha PKS. Sesuai dengan perancangan RMK-9, Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan Skim Belia Tani dengan melantik Bank Pertanian Malaysia sebagai pengurus dana yang akan disalurkan bagi modal pusingan untuk menjayakan skim ini. Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk menggalakkan golongan belia menjadi usahawan tani melalui kemudahan pembiayaan dan latihan untuk mengembangkan perniagaan dalam bidang pertanian. Skim ini membantu golongan belia memulakan usaha perniagaan pertanian, penggunaan teknologi moden dan meningkatkan ilmu dan kepakaran dalam bidang pertanian agar menjadi petani moden yang berwawasan tinggi, komited dan inovatif. Khidmat nasihat diberikan kepada golongan belia yang terlibat dalam skim ini dari semasa ke semasa hingga usaha yang diceburi mereka menunjukkan kemajuan dan

potensi pendapatan yang menguntungkan. Kementerian Belia dan Sukan telah mensasarkan untuk melahirkan 1000 usahawan tani (Fikri, 2006).

Jelaslah di sini, anggapan terhadap sektor pertanian dan industri asas tani selama ini meleset dan perlu diubah. Kempen kesedaran untuk mengubah persepsi dan tanggapan awam tentang sektor pertanian dan industri hiliran berasaskannya perlu segera dibuat bagi menyedarkan masyarakat bahawa pertanian sebenarnya satu perniagaan, satu bidang komersial yang amat menguntungkan bukan lagi aktiviti tradisional bagi menampung keperluan makanan seisi rumah semata-mata yang menggunakan tulang empat kerat, sebaliknya satu industri yang dibangunkan dengan jentera dan peralatan moden dan bernilai untuk pasaran eksport (Fatimah, 2005).

## **2.6 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Belia dalam Bidang Pertanian dan Industri Asas Tani**

Sejak akhir-akhir ini hasil kempen dan penerangan yang dijalankan secara kerap dan pro-aktif oleh pelbagai agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Belia dan Sukan bagi mengubah persepsi tentang bidang pertanian, sambutan yang diterima daripada golongan belia terutamanya golongan siswazah kian memberangsangkan dan menunjukkan peningkatan biarpun peratusnya masih kecil. Apa yang pasti, generasi belia hari ini mulai sedar bahawa mentaliti makan gaji perlu ditinggalkan jika mahukan perubahan dan beranjak kepada kehidupan yang lebih berwawasan dan produktif.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong golongan belia berkesedaran mengambil keputusan menceburi bidang pertanian sebagai satu perniagaan dan asas tani sebagai satu industri biarpun memiliki diploma dan ijazah dalam bidang lain. Secara asasnya faktor-faktor itu dapat dinyatakan seperti berikut (FAMA, 2007):

### **1. Persepsi belia terhadap bidang pertanian**

Akibat kesukaran mendapatkan pekerjaan dan persaingan yang hebat dalam merebut jawatan di sektor awam dan swasta, persepsi belia lepasan IPT tentang bidang pertanian sedikit demi sedikit mulai berubah ditambah pula setelah melihat kejayaan usahawan tani yang berjaya dan memperoleh pendapatan yang

lumayan. Golongan belia berpendidikan pada hari ini juga lebih terbuka dan melihat potensi yang terbuka luas untuk mereka ceburi di bidang pertanian. Mereka tidak lagi boleh bergantung kepada kerja makan gaji, mereka perlu mengambil keputusan untuk keluar daripada paradigma lama menjadi usahawan yang berjaya di bidang pertanian.

## **2. Aplikasi teknologi di bidang pertanian**

Pemodenan bidang pertanian dewasa ini serta langkah kerajaan menghantar peserta projek untuk mempelajari teknik-teknik pertanian baru di dalam dan luar negara dan aplikasi teknologi moden yang lebih mudah dan menjimatkan masa ditambah pula dengan pengenalan baka dan benih bermutu yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat menambahkan minat dan kecenderungan golongan belia untuk menceburi sektor pertanian.

## **3. Pendapatan sampingan dan industri hiliran sektor pertanian**

Menceburi sektor pertanian juga tidak menghadkan peserta hanya kepada satu aktiviti. Kebiasaannya peserta yang terlibat dalam projek tanaman cili umpamanya dapat mempelbagaikan usahanya dengan aktiviti lain seperti mengusahakan kolam ikan di kawasan yang sama dan mengeluarkan produk berasaskan cili seperti Sos Cili dan Cili Boh. Aktiviti tambahan dan industri hiliran ini memberikan pulangan yang lumayan.

## **4. Akses maklumat tentang sektor pertanian komersial dan industri asas tani**

Zaman globalisasi pada hari ini menyaksikan maklumat dapat diakses dengan mudah hanya dihujung jari. Kemudahan ini membolehkan golongan belia mendapat maklumat terkini tentang kemajuan pertanian di negara-negara lain, profil usahawan tani di serata dunia, maklumat tentang benih dan baka terpilih serta cara-cara menjadi usahawan tani yang berjaya. Semuanya ini mengubah persepsi dan tanggapan belia tentang bidang pertanian dan memberi mereka kekuatan semangat untuk menceburi bidang ini.

**5. Kemudahan pemasaran dan khidmat teknikal**

Ramai golongan belia enggan menceburi bidang pertanian apabila melihat akan pengalaman generasi sebelum mereka yang mengusahakan bidang pertanian. Mereka melihat sebab kegagalan projek pertanian berpunca daripada kelemahan strategi pemasaran, ketiadaan khidmat pengangkutan dan bantuan teknikal sehingga tanaman yang telah dituai gagal dipasarkan. Pandangan ini telah berubah melihat kepada kesungguhan kerajaan melalui agensinya sepertimana projek TKPM di Hulu Tiram yang menyediakan khidmat pemasaran, pengangkutan dan bantuan teknikal seperti khidmat nasihat, racun, baja, kawalan penyakit tanaman, pemilihan baka dan benih yang baik dan pelbagai lagi bantuan membolehkan kerja-kerja dilakukan secara teratur di samping mengurangkan beban yang dipikul oleh para petani. Antara agensi penting dalam pemasaran hasil pertanian ialah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

**6. Sokongan penuh daripada kerajaan**

Kerajaan melalui agensi sedia ada diterajui oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Belia dan Sukan benar-benar menunjukkan kesungguhan untuk membuka peluang kepada lepasan IPT menceburi bidang pertanian komersial. Pelbagai usaha dijalankan antaranya skim pertanian berkelompok, projek ternakan udang, projek ternakan ikan, projek pemeliharaan kambing baka terpilih, projek tanaman pokok Naga dan pelbagai usaha lagi yang mendapat sokongan dari segi penyediaan tapak, bantuan modal, khidmat teknikal dan kepakaran, khidmat pemasaran dan khidmat lepas jualan untuk menarik minat golongan belia untuk mengambil keputusan menceburi bidang ini.

**7. Kempen-kempen kesedaran melalui media massa**

Peranan media massa dalam menyebarkan maklumat tentang pertanian komersial baik melalui media elektronik, media cetak, portal maya dan sebagainya menimbulkan kesedaran kepada golongan belia untuk mencuba nasib dalam sektor pertanian komersial ditambah pula dengan pelbagai insentif

dan ganjaran yang menunggu mereka yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Pelancaran Wilayah Pembangunan Koridor Utara (NCER) telah meningkatkan kesedaran belia tentang kepentingan dan keutamaan sektor pertanian sebagai peluang perniagaan baru yang tidak boleh dilepaskan.

#### **8. Sokongan keluarga dan masyarakat**

Keluarga dan masyarakat merupakan dua entiti berpengaruh dalam pengambilan keputusan oleh individu yang menjadi ahli keluarga dan ahli masyarakat. Perubahan zaman dan kepesatan pembangunan menyaksikan pandangan keluarga dan masyarakat juga telah berubah. Ibu bapa tidak lagi menghalang anak-anak mereka lepasan IPT menceburi bidang pertanian melihat insentif yang ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada golongan siswazah tani begitu juga pandangan dan tanggapan masyarakat. Mereka tidak lagi memandang rendah kepada belia tani sebaliknya menghormati keputusan mereka malah turut memberikan sokongan dan bantuan.

Semua faktor-faktor di atas dilihat sebagai pemangkin yang mendorong golongan belia berpendidikan mengambil keputusan untuk menceburi sektor pertanian komersial dan menjadi usahawan tani.